

Invest Malaysia 2007 bermula

KUALA LUMPUR 20 Mac - Invest Malaysia 2007, persidangan terpenting anjuran Bursa Malaysia, bermula esok dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyampaikan ucaptamanya pada hari kedua.

Persidangan yang tampil sekali lagi bagi tahun ketiga berturut-turut itu bertujuan mengetengahkan syarikat-syarikat Malaysia dan mempamerkan kepelbagaian pelaburan dalam pasaran modal.

UM - 21/3/2007
Persidangan ini akan juga bertindak sebagai platform bagi pengumuman-pengumuman penting oleh kerajaan

**BURSA
MALAYSIA**

Persidangan selama tiga hari yang memberikan tumpuan kepada pelabur dan menyaksikan 30 pembentangan korporat oleh pemimpin industri itu akan dihadiri

lebih 500 anggota perwakilan asing terdiri daripada pengurus dana, penganalisis dan pelabur institusi.

"Persidangan ini akan juga bertindak

sebagai platform bagi pengumuman-pengumuman penting oleh kerajaan," kata Bursa Malaysia dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tahun ini, persidangan itu berkisar sekitar tiga tema iaitu: GLC - perubahan peringkat berikutnya; Rancangan Malaysia Kesembilan dan pelaksanaannya; dan usaha menempatkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.